



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2008
TINGKATAN EMPAT
EKONOMI ASAS**

3757/1

**Kertas 1
Oktober
1 JAM 15 MINIT**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

[Lihat sebelah]

1. Kajian tentang ilmu ekonomi merujuk kepada...
 - A usaha manusia untuk meningkatkan kesejahteraan hidup
 - B usaha manusia dalam menggunakan semua sumber ekonomi yang ada
 - C usaha manusia untuk memenuhi keperluan dan kehendak dalam kehidupan mereka.
 - D usaha manusia untuk menyeimbangkan pelbagai keinginan dengan sumber ekonomi yang ada.

2. Pernyataan berikut merujuk kepada suatu masalah kos lepas.

Memaksimumkan kebajikan masyarakat

Unit ekonomi yang manakah mengalami masalah kos lepas itu?

- A Puan Anisah seorang suri rumah
 - B Syarikat XYZ Sdn. Bhd
 - C Kementerian Pertahanan Malaysia
 - D Pusat Giat MARA
3. Apakah tujuan Kerajaan membuat pilihan untuk melaksanakan sesuatu projek?
 - A Meminimumkan kos pengeluaran
 - B Memaksimumkan kepuasan pengguna
 - C Memaksimumkan kebajikan masyarakat
 - D Mengikut keutamaan dan dilaksanakan apabila diperlukan
4. Antara berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri barang ekonomi?
 - A Kos lepas sifar
 - B Penawarannya terhad
 - C Disediakan oleh kerajaan
 - D Digunakan oleh semua orang
5. En. Zahari menanam 300 batang pokok rambutan di atas tanah seluas 10 hektar dengan menggunakan teknik pertanian moden.

Dalam situasi di atas beliau dapat menyelesaikan masalah asas ekonomi

- I apa yang hendak dikeluarkan
- II berapa yang hendak dikeluarkan
- III bagaimana hendak dikeluarkan
- IV untuk siapa hendak dikeluarkan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

6. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan suatu sistem ekonomi.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Wujud persaingan harga dan bukan harga antara firma • Masalah ekonomi diselesaikan melalui mekanisme harga |
|---|

Pihak yang manakah berkuasa membuat keputusan dalam system ekonomi itu?

- I Pemerintah
- II Pemerintah
- III Pengeluar
- IV Pemilik faktor

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

7. Berikut adalah ciri satu jenis barang.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Penawaran terhad • Mempunyai kos lepas • Boleh digunakan oleh semua orang |
|---|

Apakah contoh barang itu?

- A Air sungai
- B Air sungai
- C Lampu jalan
- D Lampu meja

8. Encik Abdullah mempunyai sebuah tapak kilang yang dapat digunakan untuk mengeluarkan komponen elektronik atau mikrocip computer.

Masalah yang mungkin dihadapi oleh beliau ialah

- I masalah pilihan
- II kekurangan wang
- III Kekurangan sumber ekonomi
- IV kekurangan pengeluaran

- A I dan II
- B I dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

9. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu situasi dalam ekonomi.

Penternak-penternak ayam telah menambahkan bilangan pekerja untuk meningkatkan pengeluaran pada musim perayaan bagi memenuhi permintaan orang ramai.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah dapat diatasi dalam situasi tersebut?

- I Apakah barang yang hendak dikeluarkan
- II Berapakah barang yang hendak dikeluarkan
- III Bagaimanakah barang hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapakah barang dikeluarkan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

10.

| Pekerja | Peratus % |
|----------------------|-----------|
| Penyelia ladang | 30 |
| Pekerja hutan | 5 |
| Kontraktor rumah | 25 |
| Penyelia pengeluaran | 15 |
| Mekanik | 10 |
| Doktor | 15 |

JADUAL 1

Berapakah peratus pekerjaan di dalam sektor utama dan sektor ketiga ?

- A 35%
- B 45%
- C 50%
- D 60%

11. Kedai Pak Samad menjual barang-barang runcit. Tiap-tiap bulan dia membeli stok barang sebanyak RM 15 000 dan kos penyelenggaraan kedai pula adalah RM 2 200 sebulan. Dalam bulan september, kedai ini memperolehi hasil sebanyak RM 20 000. Kirakan keuntungan kedai Pak Samad pada bulan September.

- A RM 2 800
- B RM 5000
- C RM 10 000
- D RM 17 800

12.

- Puan Siti seorang pendidik selama 20 tahun
- Gajinya tidak begitu tinggi kalau dibandingkan dengan rakan yang sebayanya yang bekerja di syarikat swasta.
- Beliau masih berdedikasi dan tidak akan berhenti sebagai seorang pendidik.

Faktor-faktor yang manakah yang mendorong beliau untuk terus menjadi seorang pendidik ?

- I minat
- II jenis dan sifat pekerjaan
- III latar belakang keluarga
- IV bayaran pindahan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

13. Antara berikut, yang manakah **bukan** bayaran pindahan ?

- I gaji yang diterima oleh pengetua sekolah
- II Faedah yang diterima oleh seorang penabung daripada bank
- III Bantuan kewangan yang diterima daripada jabatan kebajikan masyarakat
- IV Dividen yang diterima daripada Amanah Saham Bumiputera

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

14.

| Butir | JUMLAH (RM) |
|------------------------|-------------|
| Pendapatan tahun | 35 000 |
| Premium insurans nyawa | 1 400 |
| Ansuran rumah | 700 |
| Caruman KWSP | 3 500 |

JADUAL 2

Hitungkan jumlah pelepasan cukai bagi cik Siti.

- A RM 4 900
- B RM 12 900
- C RM 7 900
- D RM 9 900

15.

- pendapatan tahunan En Nordin ialah Rm 40 000
- 11% daripada pendapatannya dicarumkan kepada KWSP
- RM 490 untuk membayar insurans nyawa
- RM 200 untuk membayar cukai pendapatan

Hitungkan pendapatan boleh guna En Nordin itu ?

- | | |
|---------------|---------------|
| A . RM 35 400 | C . RM 20 400 |
| B . RM 5 800 | D . RM 34 910 |

16. Antara pernyataan yang berikut , yang manakah menerangkan kehendak manusia ?

- A keinginan manusia untuk memiliki sesuatu barang untuk terus hidup
- B kemampuan manusia untuk meminta sesuatu barang untuk hidup yang selesa
- C kemahuan manusia untuk memiliki sesuatu barang pada tingkat harga yang tertentu
- D kesanggupan manusia untuk menawarkan sesuatu barang pada suatu tingkat harga yang tertentu

17. Antara pernyataan berikut, yang manakah menerangkan tabungan ?

- A baki pendapatan yang digunakan untuk perbelanjaan pengguna
- B baki pendapatan boleh guna yang disimpan di institusi kewangan
- C jumlah wang yang digunakan untuk perbelanjaan barang modal
- D jumlah wang yang dipinjam daripada institusi kewangan


18. Antara kegiatan ekonomi berikut, yang manakah merupakan kegiatan pelaburan ?

- I pembelian bahan mentah
- II membeli sebuah kereta baru
- III pembelian saham
- IV Meningkatkan skala pengeluaran firma

- A I dan II
- B I dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

19. Jika nilai keanjalan harga permintaan ialah 0.2, ini bererti
- kejatuhan harga sebanyak 10% akan menyebabkan kuantiti diminta berkurang sebanyak 2%
 - kenaikan harga sebanyak 20% akan menyebabkan penurunan kuantiti diminta sebanyak 4%
 - kejatuhan harga sebanyak 2% akan menyebabkan kuantiti diminta bertambah sebanyak 10%
 - kenaikan harga sebanyak 20% akan menyebabkan kuantiti diminta bertambah sebanyak 4%

20.




RAJAH 1

Rajah 1 di atas menunjukkan keluk permintaan individu bagi suatu barang. Antara berikut, yang manakah menyebabkan berlakunya pergerakan titik daripada T ke U?

- Perubahan musim
 - Kenaikan dalam pendapatan benar individu
 - Kejatuhan harga barang itu sendiri
 - Kenaikan harga barang lain
21. Antara berikut urusan yang manakah dianggap sebagai peranan isi rumah?
- Puan Sarah membeli barangan dapur di pasar raya
 - Cik Anisah bekerja sebagai akauntan di sebuah firma
 - Cikgu Ali pemilik Pusat Tuisyen ALIF
 - Encik Raju menyewakan bangunan kedainya kepada Syarikat Bumi Mas
- I, II dan III
 - I, II dan IV
 - I, III dan IV
 - II, III dan IV

22.



Rajah 1

Kelompok permintaan di atas menunjukkan perubahan kuantiti diminta bagi buah langsung pada harga RM5.00. Apakah faktor yang menyebabkan peralihan titik x ke y dalam Rajah 1?

- A Kejatuhan harga buah langsung
- B Kejatuhan harga buah manggis
- C Kenaikan upah nominal pengguna
- D Jangkaan kejatuhan harga buah langsung pada masa depan

23.

Kelompok permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan

Antara maklumat dalam jadual berikut, yang manakah selaras dengan pernyataan di atas?

| | Harga | | Kuantiti permintaan | |
|----|-----------|-----------|---------------------|-----------|
| | Asal (RM) | Baru (RM) | Asal (RM) | Baru (RM) |
| A. | 2 | 4 | 100 | 80 |
| B. | 3 | 5 | 100 | 120 |
| C. | 5 | 3 | 120 | 80 |
| D. | 4 | 6 | 150 | 150 |

Dapatkan Skema jawapan di www.banksoalanspm.com

24. Pada tingkat harga RM 10 seunit, jumlah permintaan sesuatu barang ialah 4 unit. Apabila harga meningkat kepada RM 15 seunit, jumlah permintaan ialah 2 unit. Berapakah nilai keanjalan barang tersebut?
- A 0.1
B 0.5
C 1.0
D 2.0

25. Jadual 3 di bawah menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi empat jenis barang. Apakah barang yang anjal permintaan?

| Barang | % ΔQ | % ΔP |
|----------|--------------|--------------|
| Oren | 20 | 40 |
| Udang | 40 | 60 |
| Komputer | 60 | 40 |
| Baju | 30 | 50 |

JADUAL 3

- A Oren
B Udang
C Komputer
D Baju

26. Jadual 4 menunjukkan keluaran, kos tetap dan jumlah kos bagi sebuah firma

| Keluaran (unit) | Kos Tetap(RM) | Jumlah Kos (RM) |
|-----------------|---------------|-----------------|
| 0 | 55 | 90 |
| 1 | 55 | 130 |
| 2 | 55 | 190 |
| 3 | 55 | 270 |

JADUAL 4

Antara berikut, pernyataan yang manakah benar berkaitan dengan firma itu?

- I Firma beroperasi dalam jangka pendek
II Firma tidak menggunakan input berubah apabila tiada keluaran.
III Firma hanya menggunakan input tetap dalam operasinya.
IV Firma menanggung kos tetap yang sama walaupun jumlah keluaran meningkat
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

27. Apakah yang dimaksudkan dengan keluaran sut?
- A Jumlah keluaran bagi setiap unit input berubah.
 - B Jumlah keluaran dikeluarkan apabila input berubah ditambah kepada input tetap
 - C Perubahan dalam jumlah keluaran apabila berlaku perubahan dalam penggunaan satu unit input tetap
 - D Perubahan dalam jumlah keluaran kesan daripada perubahan dalam penggunaan satu unit input berubah
28. Antara berikut faktor yang manakah mempengaruhi peningkatan penawaran susu kambing?
- I Penggunaan teknologi tinggi
 - II Jangkaan harga pada masa hadapan akan meningkat
 - III Cita rasa pengguna bertambah
 - IV Pengurangan cukai jualan kepada pengeluar
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
29. Jadual 5 menunjukkan pekali keanjalan harga penawaran bagi barang M dan barang T


| Barang | Pekali Keanjalan Harga Penawaran |
|--------|----------------------------------|
| M | 3.32 |
| T | 0.47 |

JADUAL 5

Apakah jenis pekali keanjalan bagi barang M dan barang T

| | Barang M | Barang T |
|---|-------------|-------------|
| A | Anjal | Anjal satu |
| B | Tidak anjal | Anjal |
| C | Anjal | Tidak anjal |
| D | Anjal satu | Anjal |

30. Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran bagi barang K.



RAJAH 3

Berapakah nilai P jika nilai keanjalan harga penawaran ialah 0.5?

- A RM 15.00
- B RM 20.00
- C RM 41.00
- D RM 50.00

31.

| Kaedah | Faktor Pengeluaran (unit) | Kos Pengeluaran (unit) | Keluaran (unit) |
|--------|---------------------------|------------------------|-----------------|
| R | 6 | 40 | 100 |
| T | 8 | 30 | 100 |
| Y | 10 | 100 | 100 |
| U | 12 | 120 | 100 |

JADUAL 6

Berdasarkan Jadual 6 di atas, kaedah pengeluaran yang manakah paling cekap yang akan dipilih oleh sesebuah firma?

- A Kaedah R
- B Kaedah T
- C Kaedah Y
- D Kaedah U

32. Jadual 7 menunjukkan kuantiti yang diminta dan yang ditawarkan bagi buah dokong di sebuah pasar pada pelbagai tingkat harga.


| Harga (RM) | Kuantiti Diminta (Kg) | Kuantiti Ditawar (Kg) |
|------------|-----------------------|-----------------------|
| 2.00 | 16 | 4 |
| 3.00 | 12 | 6 |
| 4.00 | 8 | 8 |
| 5.00 | 4 | 10 |
| 6.00 | 0 | 12 |

JADUAL 7

Pasaran buah dokong menunjukkan

- A Tidak wujud keseimbangan pasaran
- B Wujud lebih permintaan pada harga kurang daripada RM 4.00
- C Wujud lebih penawaran sebanyak 10 kg pada harga RM 5.00
- D Keseimbangan pasaran adalah pada kuantiti yang diminta dan ditawarkan 12 kg

33.







RAJAH 4

Berdasarkan rajah 4 di atas, apabila harga jatuh dari P_o ke P_2 , yang manakah pernyataan berikut **benar**?

- A Permintaan pasaran melebihi penawaran pasaran sebanyak Q_2Q_4
- B Permintaan pasaran kurang dari penawaran pasaran sebanyak Q_1Q_3
- C Penawaran pasaran melebihi permintaan pasaran sebanyak Q_2Q_4
- D Penawaran pasaran kurang dari permintaan pasaran sebanyak Q_1Q_3

34. Apabila harga sekotak pen bernilai RM 2.00, Fahmi membeli 80 kotak dan Athirah membeli 100 kotak.

Antara berikut rajah manakah mewakili keluk permintaan pasaran pada harga RM 2.00



Dapatkan Skema jawapan di www.banksoalanspm.com

35. Jadual 8 menunjukkan hubungan antara harga daging lembu import dengan kuantiti yang diminta oleh restoran C, F dan T.

| Harga Daging Lembu Import (RM) | Kuantiti Permintaan (kg) | | |
|--------------------------------|--------------------------|------------|------------|
| | Restoran C | Restoran F | Restoran T |
| 10 | 60 | 80 | 100 |
| 20 | 50 | 70 | 30 |
| 30 | 40 | 60 | 60 |
| 40 | 30 | 50 | 40 |

JADUAL 8

Jika kuantiti penawaran pasaran daging lembu import adalah 200 kg, berapakah tingkat harga keseimbangan pasaran?

- A RM 10.00
 B RM 20.00
 C RM 30.00
 D RM 40.00
36. Antara berikut yang manakah menunjukkan aliran fizikal dalam ekonomi dua sektor?
- I Faedah yang diterima oleh Pn. Saadah
 II Upah bulanan yang diterima oleh En. Alwi
 III En. Manaf bekerja sebagai operator pengeluaran di sebuah syarikat membuat kasut di Bayan Lepas.
 IV Pn. Rabiah membekalkan daging rusa ke beberapa buah restoran di Selayang
- A I dan II
 B II dan III
 C III dan IV
 D I dan IV

37.

| Upah (RM/ seminggu) | Bilangan Buruh Diminta | Bilangan Penawaran Buruh |
|------------------------|---------------------------|-----------------------------|
| 180 | 65 | 10 |
| 270 | 44 | 16 |
| 360 | 20 | 20 |


Jadual di atas menunjukkan permintaan dan penawaran buruh pada pelbagai tingkat upah

Antara berikut, yang manakah akan wujud dalam pasaran jika upah buruh ialah RM 420 seminggu?

- I Tingkat upah pasaran cenderung jatuh.
- II Wujud keseimbangan pasaran buruh yang baru.
- III Firma akan mengurangkan permintaan terhadap buruh.
- IV Isi rumah akan meningkatkan penawaran buruh.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

38.



RAJAH 6

Berdasarkan rajah 6 di atas tentukan aliran wang dan aliran fizikal

| | Aliran Wang | Aliran Fizikal |
|---|-------------|----------------|
| A | 1 dan 4 | 2 dan 3 |
| B | 2 dan 4 | 1 dan 3 |
| C | 2 dan 3 | 1 dan 4 |
| D | 1 dan 2 | 3 dan 4 |

Dapatkan Skema jawapan di www.banksoalanspm.com

Pilihan jawapan bagi soalan 39 hingga soalan 40 berdasarkan jadual berikut:

| Pilihan | Pernyataan I | Pernyataan II |
|---------|--------------|---------------|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Salah | Salah |
| D | Betul | Betul |

39. I Hubungan antara harga dan kuantiti ditawarkan adalah songsang.
II. Keluk penawaran mempunyai kecerunan positif.
40. I. Kehendak individu terhadap barang-barang dan perkhidmatan adalah terhad.
II. Semua individu mempunyai kehendak dan keperluan yang sama untuk memaksimumkan kepuasan.

KERTAS SOALAN TAMAT